

SINAR HARIAN

TARIKH... 01 OCT 2020

Bung Moktar fokus tambah baik jalan raya, bekalan air

S. m/s 8: 11/6/20

KOTA KINABALU - Menteri Kerja Raya Sabah, Datuk Seri Bung Moktar Radin kini dalam usaha menambah baik jalan raya dan memberi bekalan air bersih kepada seluruh rakyat di Sabah.

Sehubungan itu, beliau yang juga Timbalan Ketua Menteri 1 mahu menyusun semula program dan juga bajet untuk Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12) memandangkan kemudahan infrastruktur dan bekalan air menjadi masalah sejak dulu lagi bagi rakyat Sabah.

"Misi utama saya dalam Kementerian ini untuk memastikan jalan raya di Sabah dapat diperbaiki dan menyalurkan bekalan air bersih kepada rakyat.

"Selama kempen pilihan raya bertahun-tahun lalu, saya mendapat maklumat dan salah satu aku janji atau manifesto Gabungan Rakyat Sabah (GRS) adalah memberi bekalan air bersih kepada rakyat Sabah," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mendengar taklimat berkaitan Kementerian di bangunan Kementerian Infrastruktur Ja-



Bung Moktar diberi taklimat oleh Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Kerja Raya, Helena Masry di pejabat Kementerian Infrastruktur Jabatan Kerja Raya, Sembulan, Kota Kinabalu.

batan Kerja Raya, Sembulan di sini semalam.

Kata Bung Moktar, pihaknya berharap masalah bekalan air bersih di daerah terlibat dapat diselesaikan.

"Tugas saya dan semua agensi di sini adalah memastikan rakyat mendapat hak mereka iaitu air bersih dan jalan raya yang baik," katanya.

Ketika diminta mengulas berhubung perkembangan pembinaan Pan Borneo, beliau berkata, ia termasuk dalam keutamaannya dalam menerajui Kementerian itu.

"Itu termasuk (Pan Borneo). Kita ketinggalan, Pan Borneo

di Sarawak sudah mencapai 50 peratus, Sabah baru 18 hingga 20 peratus. Jadi nampak tidak masuk akal sedangkan kita bergerak bersama-sama, tetapi kita ketinggalan.

"Jadi saya akan perincikan perkara ini secara spesifik untuk memastikan Pan Borneo pun perlu bergerak pantas untuk memastikan rakyat menikmati jalan raya yang lebih baik," katanya.

Terdahulu, Bung Moktar memulakan tugas rasminya di Kementerian sebagai Menteri Kerja Raya selepas dilantik menjawat jawatan itu oleh Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Hajiji Mohd Noor kelmarin.